

Kata Kunci:
Silaturahmi
Hubungan
Maaf
Keberkatan



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

27 Mac 2026 / 7 Syawal 1447H

Ujian Menjaga Hubungan Silaturahmi

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَفَقَّ مَنْ شَاءَ لِمَكَارِمِ الْأَخْلَاقِ، وَهَدَاهُمْ لِمَا فِيهِ فَلَاحُهُمْ يَوْمَ
الْمَسَاقِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَلَمَلِكُ الْخَلْقِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْبَشَرِ عَلَى الْإِطْلَاقِ، اَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْتَّلَاقِ. أَمَّا بَعْدُ، قَالَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ الْغُرَيْزِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ
وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah kita sentiasa memelihara ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat naungan Allah pada hari akhirat kelak. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bersesuaian dengan Syawal, bulan ziarah-menziarahi dan mengeratkan **silaturahmi**, khutbah ingin memberikan tumpuan pada amalan murni ini serta cabaran yang datang bersamanya.

Saudaraku,

Kita telah meninggalkan bulan Ramadan yang penuh **keberkatan**. Kita melangkah keluar dengan berbekalkan nilai-nilai murni yang telah kita pupuk sepanjang bulan. Kini, kita telah pun melangkah ke bulan Syawal, bulan yang dihiasi dengan ucapan mesra, pertemuan yang mengeratkan **silaturahmi** serta menzahirkan **hubungan** kasih dan sayang.

Namun hakikatnya, **hubungan** sesama manusia tidak sentiasa mudah dan menyenangkan. Adakalanya tenang dan tenteram, terkadang pula diuji dengan ketegangan dan perselisihan faham. Sedarilah, memelihara **silaturahmi** merupakan satu amanah yang datang bersamanya ujian yang tidak kurang hebatnya. Apakah sandaran kata-kata saya ini?

Sila perhatikan panduan Rasulullah s.a.w. yang memberi gambaran bahawa, **silaturahmi** tidak hanya berlaku ketika aman dan tenteram. Sebaliknya, **silaturahmi** mesti terus mekar ketika **hubungan** tersebut dilanda ujian.

Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Seorang yang menyambung **silaturahmi** itu bukan sekadar (yang) membalas kebaikan (dengan kebaikan), tetapi (orang yang benar-benar menyambung **silaturahmi**) dia yang **menghubungkannya** (**silaturahmi**) setelah ia terputus.”* (Riwayat Al-Bukhari)

Hadirin yang dimuliakan,

Ujian **silaturahmi** menguji 1) keihsanan, 2) kesabaran dan 3) kemampuan kita untuk **memaafkan** — tiga nilai positif yang begitu menyerlah ketika kita dididik dalam madrasah Ramadan. Namun, apakah hambatan yang sering menghalang kita daripada mengamalkannya? Kesombongan dan keegoan!

Sifat sombong dan ego boleh menjadikan seseorang merasakan dirinya lebih mulia dan lebih penting daripada yang lain. Malah, Allah menjelaskan dalam Surah Luqman, ayat ke-18 bahawa sifat ini tercela dan dibenci-Nya:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau memalingkan wajahmu (dengan sombong) daripada manusia, dan janganlah berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri.”*

Di samping itu, sifat sombong dan ego adalah hambatan kepada proses memperbaiki **hubungan**. Kehadiran kesombongan dan ego membiarkan salah faham, tawar hati dan dendam berlarutan, dan akhirnya merenggangkan **hubungan** yang dahulunya baik dan penuh kasih sayang.

Dengan mengambil pedoman daripada hadis Nabi s.a.w. yang dikongsikan tadi, dan dengan menerima hakikat bahawa setiap **hubungan** manusia pasti diuji, khutbah hari ini mengajak kita menghayati tiga langkah dalam memelihara **silaturahmi** ketika **hubungan** dilanda ujian.

Pertama: Berwaspada terhadap bibit-bibit keegoan dan kesombongan yang meresap dalam hati

Dua sifat ini kerap lahir secara halus tanpa disedari — sering kali ianya didorong tanggapan bahawa dirinya sentiasa benar, merasa sukar untuk **memohon kemaafan**, dan selalu memandang rendah dan berburuk sangka terhadap orang lain.

Hakikatnya, apabila kita memilih untuk mendengar lebih daripada bertengkar, mengutamakan memberi **kemaafan** daripada membalas, dan merendahkan diri demi keharmonian, kita telah memilih untuk menghidupkan akhlak yang dicintai Allah s.w.t.

Kedua: Sentiasa pilih jalan kedamaian

Memang mudah untuk kita menjauhkan diri dan menunggu pihak lain untuk memulakan langkah berdamai. Namun hal ini boleh mengeruhkan keadaan. Mengambil langkah pertama — sama ada dengan memberi salam, mengirim pesanan ringkas, atau **memohon maaf** dengan ikhlas — memerlukan keberanian, keikhlasan, dan yang terpenting, melenturkan rasa keegoan. Ia mencerminkan kematangan dan keinginan untuk mendapatkan

keredaaan Allah. Perlu diingatkan bahawa tujuan berdamai bukanlah untuk menentukan kebenaran atau kesalahan berada di pihak yang mana. Berdamai bertujuan memulihkan **hubungan** dan memelihara **silaturahmi** demi keredaaan Allah.

Ketiga: Kita perlu memahami bahawa setiap hubungan adalah amanah dan sumber keberkatan.

Setiap individu, sama ada ibu dan ayah, anak, adik-beradik, pasangan, sahabat mahupun jiran hadir dalam kehidupan kita atas ketentuan Allah. Masing-masing mempunyai hak ke atas yang lain. Dan antara hak tersebut adalah santunan yang sebenarnya mencerminkan keimanan seseorang. Apabila kita memelihara **hubungan** ini dengan panduan iman serta iringan kesabaran, kasih sayang dan ihsan, Allah akan meletakkan **keberkatan** pada **hubungan** tersebut.

Sebaliknya, apabila kita mengabaikan amanah ini, bukan sahaja berkemungkinan kita kehilangan **hubungan** tersebut, tetapi juga **keberkatan** yang datang bersamanya. Oleh itu, peliharalah **hubungan** kita dengan sebaiknya, kerana melaluinya kita mendekatkan diri kepada Allah dengan melaksanakan apa yang telah diperintahkan-Nya.

Sidang jemaah yang dikasihi,

Syawal masih dalam dakapan. Maka marilah kita jadikan bulan mulia ini peluang untuk mengeratkan **hubungan** dan memperkukuh **silaturahmi**. Hulurkan tangan tanda bersalaman,

tanyalah khabar, buatlah panggilan, **mohon kemaafan**, dan bersedialah untuk **memaafkan**.

Semoga Allah s.w.t. mengekalkan kemanisan **hubungan** yang kita nikmati hari ini, mengurniakan kelembutan dan kerendahan hati ketika kita menghadapi **hubungan** yang diuji, serta menjadikan setiap **hubungan** yang kita hargai sebagai sumber **keberkatan** dan ganjaran di dunia dan di akhirat nanti. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.